

PERPUSTAKAAN
KOLEKSI KERATAN AKHBAR

Akhbar : NST/NSUT/ST/SST/M.MAIL/SM/BH/BM/UM/MM/UM(J)/UZ/BT/WATAN
TARIKH : 16/7/98 MS : 28 RUANG : 3 PERKARA : UUM

UUM/AA66/UM/16.07.1998/P:28(3)

3,000 warga UUM sambut Maulidur Rasul

SERAMAI 3,000 mahasiswa dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan perhimpunan dan perarakan di Kampus Sintok sempena menyambut Maulidur Rasul, baru-baru ini.

Dalam program yang julung kali diadakan itu, mahasiswa dan kakitangan hadir dalam 18 kontinjen mengikut kolej-kolej kediaman, persatuan dan jabatan dalam UUM dengan membawa sepanduk mengagungkan kebesaran Nabi Muhammad s.a.w.

Turut menyertai sambutan ialah penduduk Felda Bukit Tangga.

Majlis diserikan dengan bacaan al-Quran oleh qari jemputan dan persembahan marhaban oleh johan marhaban Kedah 1998 dari Kuala Nerang serta persembahan nasyid kontemporari oleh kumpulan Firdaus yang terdiri daripada mahasiswa UUM sendiri.

Sementara itu, kontinjen Kolej Kediaman

um 16/7/98 28 3 UUM/12

Pernas UUM diumumkan kontinjen terbaik manakala sepanduk Kolej Kediaman Telekom Malaysia UUM (Kolej Matrikulasi) muncul sebagai sepanduk terbaik dalam pertandingan yang dianjurkan sempena perhimpunan dan perarakan tersebut - MOHD. ZAINI NASRI